


## Penilaian Latihan Industri Zon Selatan



Satu lawatan penilaian Latihan Industri bagi pelajar tahun akhir di Zon Selatan (Johor) telah diadakan pada 13 hingga 15 Julai 2010 yang lalu. Seramai 22 orang pelajar SST daripada program Akuakultur, Biologi Pemuliharaan, Matematik dengan Ekonomi, Matematik dengan Komputer Grafik, Fizik dengan Elektronik, Kimia Industri, Sains Sekitaran, Bioteknologi dan Geologi telah memilih untuk menjalani Latihan Industri di Johor di pelbagai syarikat swasta mahupun kerajaan yang berlatar belakangkan program pengajian masing-

masing. Menerusi Latihan Industri ini, para pelajar telah didedahkan dengan situasi pekerjaan di mana mereka dapat menimba pengalaman baru serta melakukan sendiri tugas-tugas yang diberi oleh penyelia masing-masing. Secara keseluruhannya, kesemua penyelia pelajar-pelajar berkenaan telah memberikan respon yang baik dan menggalakkan lagi kehadiran pelajar SST untuk menjalani Latihan Industri di syarikat mereka pada masa akan datang.

Artikel oleh: Hennie Fitria W. Soehady E.